PERIASAMY SUBBIAH

lwn.

SIEW PENG WHYE & SATU LAGI

HIGH COURT MALAYA, KUALA LUMPUR
ABDUL KADIR SULAIMAN H
[RAYUAN SIVIL NO: R1-12-101-96]
25 MARCH 1998

TORT: *Kecuaian - Kemalangan jalanraya - Gantirugi - Kecuaian sumbangan - Plaintif mendakwa defendan 100% bertanggungan - Kecuaian sumbangan tidak diplid oleh defendan - Samada terbuka bagi mahkamah memutuskan bahawa plaintif menyumbang 80% terhadap kecuaian - Pertimbangan prinsip Superintendant of Lands and Surveys (4th Division) lwn Hamit bin Matusin - Samada hakim perbicaraan terkeliru*

PROSEDUR SIVIL: *Pliding - Gantirugi - Kemalangan jalanraya - Kegagalan memplid kecuaian sumbangan - Samada defendan boleh membangkitkan isu kecuaian sumbangan - Samada pihak-pihak terikat dengan pliding mereka*

Perayu telah menuntut gantirugi dari responden-responden atas kecacatan yang dialaminya akibat satu perlanggaran yang berlaku di antara motosikal yang ditunggangnya dan motokar kepunyaan responden pertama yang dipandu oleh responden kedua. Fakta menunjukkan bahawa masing-masing pihak, dalam pliding mereka, menyatakan bahawa pihak yang satu lagi itu bertanggungjawab 100% terhadap kemalangan yang berlaku, dan responden-responden langsung tidak memplid kecuaian sumbangan sebagai pembelaan. Walau bagaimanapun, sewaktu perbicaraan, responden-responden membangkitkan keterangan tentang kecuaian sumbangan di pihak perayu. Perayu tidak membantah, tetapi menyatakan bahawa beliau hanya menyumbang 25% sahaja kepada kemalangan. Berdasarkan pengakuan perayu ini, hakim perbicaraan memutuskan, setelah mengambilkira keputusan Mahkamah Agung dalam *Superintendant of Lands and Surveys (4th Division) lwn. Hamit bin Matusin*, bahawa perayu telah 'waived or inferentially consented to the departure from the pleadings by the defendant' dan dengan itu tidak lagi boleh membantah tentang kecuaian sumbangan tidak diplidkan. Hakim perbicaraan selanjutnya memutuskan bahawa, walaupun perayu berjaya membuktikan kecuaian di pihak responden-responden, perayu hanya berhak kepada setakat 20% liabiliti dipihak responden-responden sahaja, kerana terdapat sumbangan perayu terhadap kecuaian yang menyebabkan kemalangan berlaku pada kadar 80%. Dan secucuk dengan keputusannya itu, hakim perbicaraan membenarkan kos perayu hanya setakat 20% sahaja. Berasa tidak puas hati, perayu merayu.

Diputuskan:

[1] Perbicaraan dalam kes sivil adalah dihadkan kepada isu-isu yang didedahkan sahaja. Kecuali pindaan dibenarkan, mahkamah, dalam melaksanakan tugasnya adalah dikehendaki membuat keputusan berdasarkan isu-isu yang didedahkan itu sahaja iaitu isu-isu yang diplidkan.

[2] Kecuaian sumbangan merupakan satu isu yang perlu didedahkan oleh defendan dalam plidingnya. Jika tidak ia tidak menjadi suatu isu. Ianya bukan menjadi tugas plaintif untuk mendedahkan bahawa ia sendiri tidak menyumbang kepada kecuaian yang menyebabkan kemalangan itu berlaku. Kecuaian sumbangan bukanlah satu kausa tindakan tetapi hanyalah satu pembelaan.

[3] Berasaskan kepada bukti semasa perbicaraan, keputusan hakim perbicaraan yang wajar ialah samada perayu akan berjaya sepenuhnya di dalam tuntutannya atau pun terus gagal untuk mendapat gantirugi dari responden-responden. Ini kerana responden-responden tidak memplid kecuaian sumbangan sebagai pembelaan.

[4] Walaupun perayu tidak membantah bilamana responden-responden membangkitkan perkara kecuaian sumbangan di pihak perayu, persoalan yang perlu dijawab ialah samada apa yang dibawa responden-responden melalui keterangan mereka itu, meminjam kata-kata Mahkamah Agung dalam kes *Superintendant of Lands and Surveys*, merupakan suatu "radical departure' dan bukan setakat 'mere variation, modification or a development' yang menjadikannya terkeluar dari prinsip yang disebut oleh Mahkamah Agung tersebut dan malahan termasuk ke dalam pengecualian kepada prinsip tersebut.

[4a] Dengan mengemukakan sesuatu sebagai keterangan yang langsung tidak hendak disandarkan di dalam pernyataan pembelaan mereka, responden-responden telah melakukan satu 'radical departure' daripada pliding mereka yang semestinya memberi kejutan kepada perayu. Dengan itu, ianya tertakluk kepada peraturan biasa bahawa isu perlu ditentukan oleh pliding. Ianya juga tergulung di dalam pengecualian yang sebutkan oleh Mahkamah Agung dalam kes *Superintendant of Lands* and *Surveys* itu.

[4b] Hakim perbicaraan yang bijaksana, dengan yang demikian, telah terkeliru dengan keputusan Mahkamah Agung di atas dalam mencapai keputusannnya. Hakim sepatutnya membenarkan sepenuhnya tuntutan perayu ke atas responden-responden walaupun keterangan di hadapannya menunjukkan bahawa sedikit sebanyak perayu bertanggungan terhadap kemalangan tersebut. Ini kerana responden-responden telah memilih untuk tidak memplid isu ini di dalam pernyataan pembelaan mereka.

[5] Kos sewajarnyalah mengikut keadaan keputusan kes. Oleh kerana perayu telah berjaya di dalam tuntutannya, kos yang perlu diberi ialah sepenuhnya kepada perayu.

[Rayuan dibenarkan; perintah sekadarnya.]

Kes yang dirujuk:

Anuar Mat Amin lwn. Abdullah Mohd Zain [1989] 3 MLJ 313 ***(dirujuk)***

Fookes lwn. Slaytor [1979] 1 All ER 137 ***(dirujuk)***

Hamizan Abd Hamid lwn. Wong Kok Keong & Seorang Lagi [1994] 4 CLJ 122 ***(dirujuk)***

Superintendent of Lands and Surveys (4th Division) lwn. Hamit Matusin [1994] 3 CLJ 567 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Rules of the High Court 1980, O. 18 r. 7(1)

Bagi pihak perayu - Avinder Singh Gill; T/n AJ Ariffin, Yeo & Harpal
Bagi pihak responden - Ganesarajah Nadarajah; M/s VP Nathan & Partners

Dilaporkan oleh Rusnah Abdul Aziz

PENGHAKIMAN

Abdul Kadir Sulaiman H:

Ini merupakan rayuan yang dibuat oleh plaintif terhadap keputusan hakim Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur. Perayu telah menuntut daripada responden-responden gantirugi di atas kecacatan yang dialamainya akibat satu perlanggaran yang berlaku antara motosikal yang dipandu oleh perayu dengan motokar kepunyaan responden pertama dan dipandu oleh responden kedua pada 19 Julai 1989 lebih kurang jam 10 malam di atas jalan raya dari Seri Petaling menghala ke Sungai Besi berhampiran dengan Simpang Kampung Pantai dekat dengan kawasan membuang sampah. Mengikut pernyataan tuntutannya perlanggaran ini pada keseluruhannya adalah semata-mata disebabkan oleh kecuaian pihak responden-responden. Manakala di dalam pernyataan pembelaan responden-responden, mereka menafikan kenyataan perayu itu dan sebaliknya menyatakan bahawa kemalangan tersebut berlaku adalah disebabkan oleh kecuaian pihak perayu. Salah satu alasan yang dikatakan sedemikian ialah kerana kenderaan perayu tiba-tiba sahaja muncul pada masa yang merbahaya atau yang tidak sesuai baginya tanpa memberi sebarang tanda amaran atau isyarat. Maka nampaklah di sini bahawa masing-masing pihak meletakkan kesalahan ke atas pihak yang lagi satu itu. Semestinya perayu tidak mengaku di dalam plidingnya yang ia menyumbang kepada kejadian kemalangan tersebut, dan responden-responden pula tidak menyatakan yang kemalangan itu berlaku disebabkan sumbangan perayu terhadap kecuaiannya. Dengan yang

demikian pada pandangan saya, berasaskan kepada bukti di masa perbicaraan, keputusan hakim yang wajar ialah sama ada perayu akan berjaya sepenuhnya di dalam tuntutannya atau pun terus gagal untuk mendapat gantirugi daripada responden-responden. Ini ialah kerana, di dalam pliding mereka responden-responden telah tidak memplid kecuaian sumbangan sebagai pembelaan. Di dalam kes *Fookes lwn. Slaytor* [1979] 1 All ER 137, kenderaan yang dipandu oleh plaintif telah berlanggar dengan belakang sebuah kenderaan yang diletakkan di tepi jalan. Akibat perlanggaran tersebut, plaintif telah tercedera. Ia membuat tuntutan gantirugi di atas kecederaan yang dialaminya ke atas pemandu kenderaan tersebut akibat kecuaian pemandu tersebut. Defendan telah tidak memfailkan pembelaannya walaupun telah diperintah untuk berbuat demikian oleh mahkamah. Akibatnya ia telah ditegah dari membela kes tersebut. Pada hari perbicaraan ia telah tidak hadir walaupun diberitahu berkenaan dengannya. Hakim mendapati bahawa plaintif bertanggungjawab ke atas 1/3 penyebab kemalangan tersebut dan mengurangkan gantirugi seturutnya. Plaintif merayu terhadap keputusan sedemikian atas alasan bahawa kecuaian sumbangan telah tidak diplid oleh defendan. Mahkamah Rayuan memutuskan:

> The defence of contributory negligence was only available if it was pleaded. It followed that in the absence of a pleading by the defendant of contributory negligence the judge had no jurisdiction to make a finding of such negligence on the part of the plaintiff.

Kes tersebut telah dicontohi oleh KC Vohrah J di dalam kes *Anuar bin Mat Amin lwn. Abdullah bin Mohd Zain* [1989] 3 MLJ 313 di mana telah diputuskan:

> Since contributory negligence was not pleaded by the defendant nor brought up as an issue during the course of the trial the learned judge should not have taken into account the contributory negligence of the plaintiff. Once it was shown that there was negligence on the part of the defendant the learned judge had to disregard any fault on the part of the plaintiff.

Tetapi di dalam hal rayuan sekarang ini, hakim telah memutuskan walaupun perayu berjaya membuktikan kecuaian di pihak responden-responden tetapi perayu dibenarkan hanya setakat 20% liabiliti di pihak responden-responden sahaja kerana katanya terdapat sumbangan perayu terhadap kecuaian yang menyebabkan kemalangan berlaku pada kadar 80%. Secucuk dengan keputusan sedemikian, hakim telah menggunakan budibicaranya membenarkan kos kepada perayu hanya setakat 20% sahaja kerana diasaskan kepada tanggungan responden-responden di atas liabiliti setakat 20%.

Garis panduan kepada mahkamah di dalam cara membuat keputusan di dalam perkara-perkara begini, iaitu tentang isu kecuaian sumbangan di dalam kes sivil, adalah amat jelas sekali jika dirujuk kepada otoriti-otoriti yang sedia ada seperti contoh di dalam dua kes yang saya sebutkan tadi itu. Pembicaraan di dalam kes sivil adalah dihadkan dan berasas kepada isu-isu yang didedahkan sahaja. Isu-isu berkenaan adalah dihadkan melalui pliding oleh pihak plaintif dan defendan di dalam satu-satu kes itu. Mahkamah di dalam melaksanakan tugasnya adalah dikehendaki membuat keputusan berdasarkan isu-isu yang didedahkan itu sahaja. Tujuannya ialah supaya pihak-pihak di dalam pertikaian tahu apa sebenarnya kes lawannya dan dapat membuat persediaan sewajarnya bagi menghadapinya. Serangan di dalam gelap dalam ertikata mengketengahkan isu yang tidak dinyatakan di dalam pliding semasa pembicaraan adalah tidak dibenarkan. Jika ini dibenarkan ianya akan merupakan satu kejutan kepada pihak lawan yang terpaksa menghadapinya tanpa diberi apa-apa amaran terlebih dahulu supaya ia mempunyai peluang membuat persediaan menghadapi isu tersebut.

Seperti dikatakan tadi, isu-isu ini dikehendaki ditentukan terlebih dahulu melalui pliding pihak-pihak di dalam prosiding. Pada lazimnya pliding plaintif ialah pernyataan tuntutannya dan pliding defendan pula ialah pernyataan pembelaannya. Pliding ini walaupun lazimnya ditentukan terlebih awal melalui pertukarannya di antara pihak, tetapi pindaan kepada pliding ini adalah dibenarkan di atas permohonan yang dibuat semasa perjalanan perbicaraan. Tanpa apa-apa pindaan sedemikian dibuat, pihak-pihak adalah terikat dengan plidingnya yang asal.

Kecuaian sumbangan merupakan satu isu yang perlu didedahkan oleh defendan di dalam plidingnya. Jika tidak, ia tidak menjadinya suatu isu. Ianya bukan menjadi tugas plaintif untuk mendedahkan bahawa ia sendiri tidak menyumbang kepada kecuaian yang melibatkan kemalangan itu berlaku. Kecuaian sumbangan bukan merupakan satu kausa tindakan tetapi adalah merupakan pembelaan di dalam sesuatu tindakan oleh plaintif terhadap defendan. Lihat kes *Hamizan bin Abd. Hamid lwn. Wong Kok Keong & Seorang Lagi* [1994] 3 MLJ 630 di halaman 636 di mana James Foong H. berkata:

> The plaintiff's cause of action is always that of negligence and not contributory negligence. Contributory negligence has never ever been a cause of action but a defence. Therefore to insist that the plaintiff should plead contributory negligence would be tantamount to either creating a new cause of action or pleading a defence in the plaintiff's own claim ... there is no necessity for the plaintiff to plead contributory negligence in order to succeed in his claim for negligence though he may have contributed it.

Di dalam kes rayuan ini perayu berpegang kepada hakikat bahawa responden-responden sepenuhnya telah berlaku cuai. Maka itulah kausa tindakannya terhadap responden-responden. Maka jika responden-responden ingin menjadikan kecuaian sumbangan sebagai satu isu, maka beban adalah terletak di atas bahu mereka untuk mendedahkan hal sedemikian di dalam pliding mereka. Tetapi di dalam hal ini ianya telah tidak dilakukan. Pernyataan pembelaan responden-responden menafikan ketegasan perayu bahawa perlanggaran tersebut adalah semata-mata disebabkan oleh kecuaian mereka. Sebaliknya responden-responden menyatakan bahawa kemalangan tersebut berlaku adalah disebabkan oleh kecuaian pihak perayu sendiri kerana telah dengan tiba-tiba sahaja muncul tanpa memberi sebarang tanda amaran atau isyarat. Dengan lain perkataan, masing-masing mengatakan pihak yang lagi satu itu bertanggungjawab 100% terhadap kemalangan yang berlaku itu.

Di akhir perbicaraan di dalam kes ini, di segi liabiliti hakim membuat keputusan seperti yang terdapat di halaman 54 rekod rayuan:

> Peguam Plaintif nampaknya pada akhirnya bersetuju bahawa Plaintif telah keluar dari lorong tempat buang sampah dan masuk ke jalanraya. Mahkamah berpendapat selepas mendengar keterangan kedua-dua pihak bahawa keterangan yang diberi oleh Defendan adalah pada imbangan keberangkalian lebih 'probable'.
>
> Dari itu liabiliti adalah 80:20 iaitu, 20% terhadap Defendan.

Bagi menyokong keputusan yang dibuatnya itu, hakim mengikut alasan penghakimannya yang bermula di halaman 15 rekod rayuan, bergantung di atas kes *Superintendent of Lands and Surveys (4th Division) lwn. Hamit bin Matusin* [1994] 3 MLJ 185, satu keputusan Mahkamah Agung. Di dalam kes tersebut plaintif menduduki di atas tanah kerajaan yang dianggap sebagai hak yang diperolehi di bawah adat resam anak negeri di bawah undang-undang tanah Sarawak. Defendan telah memasuki tanah tersebut dan telah meroboh rumah-rumah mereka. Di Mahkamah Tinggi, plaintif telah memohon perintah injunksi menegah defendan dari melakukan pembinaan di atas tanah berkenaan, gantirugi, dll. Di dalam pembelaannya, defendan menyangkal hak plaintif di bawah adat resam anak negeri tetapi mengaku di atas penglibatannya ke atas tanah tersebut. Tetapi sebab yang menjadi asas penyangkalan telah tidak dibutirkan oleh defendan di dalam plidingnya. Di dalam perbicaraan, salah satu sebab penyangkalan defendan yang diberi ialah bahawa tanah tersebut terletak di dalam lingkungan resab tebing sungai di mana tiada pihak boleh menuntut hak ke atasnya di bawah Sarawak Land Code. Satu lagi sebab diberi ialah bahawa pada satu ketika dulu, tanah tersebut adalah dimiliki oleh *Sarawak Shell Oil Ltd.* Kemudian di dalam hujah akhir selepas keterangan dikumpul, pihak plaintif telah membantah buat pertama kali bahawa pembelaan sedemikian telah tidak diplid oleh defendan dan hakim Mahkamah Tinggi bersetuju bahawa ianya

bercanggah dengan kehendak A. 18 k. 7(1) KMT 1980 dan telah mengenepikan keterangan yang diberi oleh defendan itu bersabit dengan perkara tersebut. Defendan telah membuat rayuan ke Mahkamah Agung. Mahkamah Agung bersetuju bahawa pembelaan yang dibangkitkan oleh defendan semasa perbicaraan merupakan fakta material yang perlu diplid di dalam pernyataan pembelaan di bawah kehendak A. 18 k. 7(1) KMT. Adalah tidak mencukupi bagi defendan semata-mata memplidkan penyangkalan tanpa memberi sebab atau asas. Tetapi di atas kegagalan defendan memplid fakta yang material ini akan menyebabkan keterangan di atas sebab penyangkalan menjadi suatu perkara yang boleh dibantah oleh plaintif. Sebab di sebalik kehendak memplid fakta material ini ialah supaya mengelak pihak yang lagi satu itu dari dikejutkan oleh keterangan yang menyimpang dari fakta material yang telah diplid. Keterangan sedemikian rupa akan memprejudis, memalu atau mengelirukan pihak lawan. Dengan yang demikian jika pihak lawan telah dikejutkan dengan keterangan sedemikian, ia dikehendaki membuat bantahan serta merta terhadap keterangan tersebut dikemukakan oleh saksi bagi membolehkan hakim yang membicara kes mengenepikan keterangan tersebut. Lazimnya di dalam keadaan begini hakim akan menangguh kes dengan bersyarat, jika dipohon, bagi membolehkan pliding dipinda oleh pihak yang mengemukakan keterangan tersebut. Tetapi di dalam kes tersebut perkara bantahan ini tidak dilakukan oleh plaintif pada ketika keterangan tersebut dikemukakan oleh defendan. Ianya dikemukakan hanya di dalam hujah setelah semua keterangan dikumpul. Ia jelas menunjukkan bahawa plaintif telah tidak terkejut dengan keterangan yang dikemukakan itu. Jika bantahan pada peringkat yang lewat ini boleh diterima, pihak defendan akan menghadapi risiko yang tinggi untuk memohon kebenaran meminda plidingnya. Mahkamah Agung juga berpendapat bahawa keterangan sedemikian yang diterima tanpa bantahan pada ketika-ketikanya akan memberi kesan memperbetulkan ketinggalan yang telah dilakukan di dalam pliding atau akan mengatasi kecacatan yang berlaku pada pliding kecuali di mana keterangan yang dikemukakan itu melencong jauh dari pliding. Mahkamah Agung mendapati bahawa keterangan yang bersangkutan dari pihak defendan di dalam kes tersebut bukan merupakan lencongan yang jauh dari pliding tetapi semata-mata perkembangan dari apa yang telah dituhmahkan oleh defendan di dalam plidingnya. Ketinggalan defendan dari pliding bersabit dengan perkara bersangkutan telah pun diketepikan atau secara tersirat telah disetujui oleh plaintif apabila keterangan sedemikian dibenarkan tanpa apa-apa bantahan.

Berpandukan kes Mahkamah Agung tersebut, hakim berpendapat di dalam hal yang di hadapannya itu adalah serupa dengan perkara yang di hadapan Mahkamah Agung tersebut. Di perenggan pertama halaman 17 rekod rayuan hakim berkata:

Dari itu peguam Plaintif secara alternatif dalam hujjahnya telah mengaku bahawa Plaintif menyumbang kepada kemalangan sebanyak 25%. Mahkamah berpendapat bahawa peguam Plaintif tidak boleh sekarang merayu bahawa kecuaian sumbangan tidak diplidkan dan dari itu Mahkamah tidak boleh mengambilkira kecuaian ini kerana peguam Plaintif sendiri telah mengaku dalam peringkat hujjahan bahawa jika Defendan nampak Plaintif keluar dari lorong kecil (jalan tanah dekat tempat buang sampah) maka Defendan seharusnya berhati-hati dan dari itu Plaintif hanya 25% liable. Peguam Plaintif dengan pengakuan ini boleh di anggap telah 'waived or inferentially consented to the departure from the pleadings by the Defendan' kerana bukan sahaja Plaintif tidak membantah 'departure' ini tetapi sebaliknya dengan pengakuan bahawa Plaintif berkeliabilitian sebanyak 25% telah melakukan 'departure' dari plidingnya sendiri dan dengan itu menunjukkan bahawa ia tidak mahu terikat dengan plidingnya. Prinsip ini telah diputuskan dalam kes Mahkamah Agung, kes *Superintendent of Lands and Surveys (4th Division) v. Hamit bin Matusin* [1994] 3 MLJ 185.

Di dalam kes tersebut, Peh Swee Chin HMA, semasa membaca keputusan Mahkamah Agung telah berkata di halaman 190:

Such evidence, when given without any objection by the opposing party, will further have the effect of curing the absence of such plea in the relevant pleadings, in other words, the effect of overcoming such defect in such pleading. As was stated by the Federal Court in *Ang Koon Kau & Anor v Lau Piang Ngong* [1984] 2 MLJ 277 at p 278: 'Evidence given at the trial can therefore in appropriate circumstances overcome defects in the pleadings where the net result of such evidence is to prevent the other side from being taken by surprise'. **There is, however, at least one important exception to such curing of defect of pleading by evidence departing from such pleading without objection then and there to such evidence.**

The exception is when such evidence represents a radical departure from the pleadings, and is not just a variation, modification or development of what has been alleged in the pleading in question, please see *Waghorn v. George Wimpey & Co Ltd* [1970] 1 All ER 474; (1969) 1 WLR 1764, which gave rise to the proposition, which was approved by *Ang Koon Kau & Anor v. Lau Piang Ngong, and John G Stein & Co Ltd v O'Hanlon* [1965] AC 890; [1965] 1 All ER 547; [1965] 2 WLR 496.

Therefore, a court inevitably ought to enquire, when there is failure to object to such evidence when it is adduced, whether it is such a radical departure, if not, it is a mere variation, modification or a development, then the impropriety of admission of such evidence at variance with the pleadings is deemed to be waived and the defect in such pleading cured. (Penekanan ditambah).

Berbalik kepada kes rayuan ini sekarang, memang benar, responden-responden telah tidak membangkitkan isu kecuaian sumbangan di dalam pernyataan pembelaan mereka, tetapi keterangan kecuaian sumbangan di pihak perayu telah dikemukakan di dalam keterangan semasa perbicaraan dan peguam perayu telah tidak membuat apa-apa bantahan dan lebih jelas lagi semasa hujahan, peguam perayu seolah-olah telah merestui keterangan sedemikian dikemukakan. Tetapi persoalannya ialah sama ada apa yang dibawa melalui keterangan itu merupakan suatu 'radical departure' dan bukan setakat 'mere variation, modification or a development' yang masih terkeluar dari prinsip yang disebut oleh Mahkamah Agung itu dan termasuk di dalam pengecualian kepada prinsip tersebut? Pada pendapat saya, mengemukakan sesuatu sebagai keterangan yang langsung tidak hendak disandarkan di dalam pernyataan pembelaan mereka, responden-responden telah melakukan satu 'radical departure' daripada pliding mereka yang semestinya memberi kejutan kepada perayu. Dengan yang demikian ianya tertakluk kepada peraturan biasa bahawa isu perlu ditentukan oleh pliding dan dengan yang demikian ianya tergulung di dalam pengecualian yang disebutkan oleh Mahkamah Agung itu. Dengan yang demikian, hakim telah terkeliru dengan keputusan Mahkamah Agung tersebut di dalam mencapai keputusannya. Hakim sepatutnya telah membenarkan sepenuhnya tuntutan perayu ke atas responden-responden walaupun keterangan di hadapannya menunjukkan sedikit sebanyak perayu tertanggung ke atas sebab kemalangan tersebut boleh berlaku kerana responden-responden telah memilih untuk tidak memplidkan isu ini di dalam pernyataan pembelaannya.

Berkenaan dengan kos, sewajarnya ianya mengikuti keadaan keputusan kes. Di dalam hal ini oleh kerana perayu telah berjaya di dalam tuntutannya, kos yang perlu diberi ialah sepenuhnya kepada perayu.

Dengan yang demikian, rayuan perayu ini dibenarkan dengan kos kepadanya di sini dan di Mahkamah Sesyen dan keputusan hakim adalah diketepikan dengan digantikan dengan keputusan kepada perayu.